

**Penggunaan Unsur Tumbuh-Tumbuhan Dalam Gaya Bahasa *Al-Tasybīh* di Dalam *Al-Quran Al-Karim***  
*The Use of Plant's Element in al-Tasybih Style in The Al-Quran Al-Karim*

Saipolbarin bin Ramli<sup>1</sup>  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ahmad Fikri bin Hj. Husin  
Universiti Malaya

**Abstrak**

*Tumbuh-tumbuhan adalah antara unsur yang banyak terdapat dalam al-Quran. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan ini dapat dilihat dalam pelbagai jenis gaya bahasa dalam al-Quran seperti dalam gaya bahasa al-Tasybīh. Gaya bahasa al-Tasybīh adalah salah satu bentuk gaya bahasa metafora dan simile yang digunakan dalam al-Quran dalam menyampaikan mesej kepada manusia di samping memaparkan keindahan dan kehalusan yang terdapat dalam gaya bahasa al-Quran. Ia adalah salah satu al-'Tjāz al-Lughawīy yang terdapat dalam bahasa al-Quran. Maklumat dalam al-Quran ada di antaranya yang membincangkan tentang perihalan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dijangkau oleh akal fikiran manusia. Akal manusia yang terhad memerlukan kepada sesuatu yang dapat menjelaskan secara lengkap dan sempurna bagi untuk memahami setiap maklumat yang disampaikan dalam al-Quran. Penggunaan gaya bahasa al-Tasybīh dalam al-Quran antara lain adalah untuk mewujudkan satu hubungan antara perkara ghaib yang dibincangkan dalam al-Quran yang bersifat samar-samar dengan perkara maujud yang terdapat dalam kehidupan manusia yang bersifat nyata. Fokus perbincangan kajian ini adalah dalam bidang analisis wacana dan al-balāghat al-'Arabiyyat yang berkisarkan kepada penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa al-Tasybīh dalam al-Quran. Kajian ini menggunakan metode historis dan metode dokumentari yang mengaplikasikan kaedah pengumpulan data secara kualitatif. Kedua-dua metodologi ini mempraktikkan kaedah kajian perpustakaan. Gaya bahasa al-Tasybīh ini juga secara tidak langsung dapat membantu untuk memberi kefahaman yang jelas tentang isi kandungan al-Quran di samping dapat membuktikan bahawa al-Quran adalah wahyu dari Allah SWT dan bukannya ciptaan Nabi Muhammad SAW.*

<sup>1</sup> Corresponding author : Saipolbarin Ramli, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, e-mail : saipolbarin@fbk.upsi.edu.my

*Kata kunci: unsur tumbuh-tumbuhan, gaya bahasa al-Tasybīh, Al-Quran, analisis wacana*

### **Abstract**

*Plants are elements that are frequently mentioned in the al-Quran. In the al-Quran, the use of plant elements can be visualized from various language styles and one of them is the al-Tasybīh style. Al-Tasybīh style is one of the metaphor and simile used in the al-Quran to deliver the message to the people. In addition, al-Tasybīh also displays the beauty and refinement of al-Quran and found to be one of the miracle in al-Quran. Some of the information contained in the al-Quran deals with the description of the unseen things that cannot be reached by the human mind. The al-Tasybīh style help to overcome the limitation of human brain to interpret and perfectly understand the informations presented in the al-Quran. This was done by establishing a relationship between the unseen elements discussed in al-Quran with the real human nature. The focus of this research is to study the discourse analysis and al-Balāghat al-'Arabiyyat on plant elements using the al-Tasybīh style in al-Quran. The data was collected qualitatively using two different methods, the historical method and the documentary method. Both methods are carried out using two different approaches, the library research. Al-Tasybīh style is anticipated to give a clear understanding of the al-Quran content and prove that the al-Quran is divine revelation from Allah SWT and not a mere creation by Prophet Muhammad SAW.*

*Keywords: ulements of plants, al-Tasybīh style, al-Quran, discourse analysis*

### **PENDAHULUAN**

Al-Quran adalah mukjizat Nabi Muhammad SAW yang dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai bukti dan tanda kewujudanNya. Ia merupakan dalil yang kukuh untuk menunjukkan bahawa setiap kejadian Allah SWT adalah bermanfaat dan tidak diciptakan dengan sia-sia. Terdapat sebanyak 1300 ayat Al-Quran yang menceritakan perihalan kejadian makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT. Jumlah ini hampir kepada 1/6 isi ayat al-Quran. Ini menunjukkan bahawa pentingnya ayat-ayat tersebut dalam membina keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT. Antara ayat kejadian yang terdapat dalam al-Quran ialah ayat-ayat yang berkaitan dengan perihalan tumbuh-tumbuhan yang direkodkan secara berulang-ulang kali dalam al-Quran (Badr al-Dīn Muhammad bin 'AbdulLah al-Zarkāsyī, 2006:175).

Unsur tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam al-Quran merangkumi nama pokok, buah-buahan, jenis tumbuh-tumbuhan, kebun dan ladang pertanian. Allah SWT juga mencatatkan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan

secara ghaib dalam Al-Quran seperti tumbuh-tumbuhan syurga dan tumbuh-tumbuhan neraka. Selain itu, penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam al-Quran mempunyai dwi-bentuk penggunaan. Bentuk pertama ialah untuk menerangkan tentang unsur tumbuh-tumbuhan tersebut secara langsung seperti tumbuh-tumbuhan yang berada di syurga dan neraka. Bentuk yang kedua pula ialah penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan sebagai satu medium perantara dalam menyampaikan mesej kepada manusia. Ia akan melibatkan perbincangan berkaitan dengan konteks gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran. Selain untuk memberi kefahaman yang jelas kepada manusia agar mereka dapat berfikir, penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan ini juga secara tidak langsung dapat menampilkan seni keindahan dan kehalusan bahasa yang terdapat dalam Al-Quran. Antara gaya bahasa yang banyak menggunakan unsur tumbuh-tumbuhan dalam al-Quran ialah gaya bahasa *al-Tasybih*. Gaya bahasa ini merupakan antara bentuk gaya bahasa yang terdapat dalam bahasa Arab. Ciri-ciri kesamaan bentuk gaya bahasa ini juga dapat dilihat dalam bahasa Melayu yang dikenali dengan gaya bahasa simile dan gaya bahasa metafora.

Walaupun begitu, terdapat perbezaan antara gaya bahasa *al-Tasybih* dengan gaya bahasa simile dan gaya bahasa metafora dalam bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, semua gaya bahasa *al-Tasybih* adalah gaya bahasa simile dan gaya bahasa metafora, tetapi tidak semua gaya bahasa simile dan metafora itu adalah gaya bahasa *al-Tasybih*. Oleh itu, istilah gaya bahasa *al-Tasybih* ini dikekalkan penggunaannya dalam bahasa Melayu agar konteks kefahaman berkaitan dengan gaya bahasa ini dapat difahami dengan lebih tepat khususnya untuk penutur kedua bahasa Arab.

Pemilihan unsur tumbuh-tumbuhan dalam al-Quran sebagai korpus kajian adalah kerana al-Quran itu sendiri mempunyai kekuatan nilai universal yang meliputi seluruh disiplin ilmu dan tidak terhenti kepada bidang-bidang yang khusus seperti akidah, fiqah, tajwid dan sebagainya yang dikaitkan secara langsung dengan ilmu-ilmu Islam, bahkan penggunaannya telah memasuki bidang-bidang sains yang lain seperti perubatan, astronomi, psikologi, teknologi dan sebagainya. (Zamri Rajab, Kaseh Abu Bakar, 2011:84). Para cendekiawan Arab-Islam telah menjadikan al-Quran sebagai satu medium utama dalam pelbagai disiplin ilmu terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan bidang bahasa. Ibn 'Aqil dan Ibn Hisyam adalah dua contoh sarjana Arab-Islam yang telah mendahulukan ayat-ayat al-Quran dalam semua perbincangan berkaitan dengan tatabahasa Arab mengatasi penggunaan syair dan prosa Arab yang lain. (Zamri Rajab, Kaseh Abu Bakar, 2011:92). Gaya bahasa *al-Tasybih* yang terdapat dalam al-Quran juga adalah salah satu contoh perbincangan yang mengaplikasikan penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai salah satu medium perbincangan yang melibatkan bidang bahasa.

### MAKNA *AL-TASYBĪH*

*Al-Tasybih* adalah salah satu cabang dari ilmu *al-Bayan* dalam *al-balāghat 'Arabiyyat*. Antara ciri-ciri yang ditunjukkan dalam penggunaan gaya bahasa *al-Tasybih* ialah nilai-nilai ketinggian dan kesusasteraan yang terdapat dalam bahasa Arab. Menurut Qudamat bin Ja'far (1980:58), *al-Tasybih* merupakan antara gaya bahasa Arab yang sangat indah dan terkandung dalamnya unsur-unsur kebitaraan dan kebijaksanaan. Secara etimologi, *al-Tasybih* bermaksud penyerupaan, apabila seseorang itu berkata: (هَذَا مِثْلُ هَذَا وَمِثْلُهُ) “*ini seperti yang ini dan menyerupainya*”. Manakala secara terminologinya menurut al-Maraghīy (1993:217) *al-Tasybih* bermaksud: “*menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan keadaan salah satu daripadanya mengambil alih tempat yang lain dalam keadaan kedua-duanya mempunyai nilai kesamaan dalam hal-hal yang dibincangkan*”. Dalam erti kata lain, *al-Tasybih* ini mengandungi empat unsur utama. Unsur-unsur tersebut ialah menyamakan unsur perbandingan *al-Musyabbah* (الْمُشَبَّهُ) dengan unsur yang dibandingkan *al-Musyabbah bih* (الْمُشَبَّهُ بِهِ) yang mana pada kedua-duanya mempunyai makna yang sama *Wahj al-Syabah* (وَجْهَ الشَّبَهِ) dengan menggunakan partikel tertentu (الِاتِّسَافِ) untuk tujuan tertentu. Tujuan penggunaan gaya bahasa *al-Tasybih* ialah untuk menyampaikan makna yang jelas dengan penggunaan ayat yang ringkas dan padat. Unsur *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih* adalah dua unsur yang paling utama dan dikenali juga dengan nama *al-Ṭarfān* (الطَّرْفَانِ).

Ibn Rasyiq (t.t:12) menjelaskan bahawa *al-Tasybih* ialah menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain yang hampir menyamainya dari aspek sifat dan bentuk. Ini kerana sekiranya keseluruhan sifat dan bentuk unsur perbandingan itu menyerupai apa yang dibandingkan, maka ia pasti tidak akan menjadi *al-Tasybih*, tetapi akan bertukar menjadi sesuatu yang dibandingkan itu. Oleh itu, *al-Tasybih* hanya berkongsi ciri-ciri kesamaan yang terdapat pada kedua-dua unsur dengan tidak menukarkan unsur perbandingan menjadi unsur yang dibandingkan. Contohnya apabila ungkapan ayat yang berbunyi (فَاتِمَةُ كَالْوَرْدِ) adalah untuk menunjukkan kecantikan Fatimah seperti bunga mawar yang memiliki ciri-ciri kecantikan, keharuman dan sebagainya. Ciri-ciri ini dikongsi antara Fatimah dan bunga mawar. Walau pun begitu, Fatimah hanya berkongsi sebahagian sahaja ciri-ciri yang terdapat pada bunga mawar dan tidak keseluruhannya. Oleh itu Fatimah tetap seorang manusia walau pun digambarkan seperti bunga mawar. Inilah antara tujuan penggunaan gaya bahasa *al-Tasybih*.

Terdapat persamaan antara gaya bahasa *al-Tasybih* dan gaya bahasa simile dan metafora dalam bahasa Melayu. Gaya bahasa simile merujuk kepada perumpamaan atau perbandingan dan bersifat eksplisit. Menurut Keraf (2007:138), yang dimaksudkan dengan perbandingan bersifat eksplisit ialah bahawa ia langsung menyatakan sesuatu itu sama dengan hal yang lain. Gaya

bahasa simile ini menyamakan sesuatu objek atau perkara atau hal atau situasi dengan objek atau perkara atau hal atau situasi yang lain dengan menggunakan kata-kata perbandingan. Ia mengandungi dua bahagian iaitu subjek utama dan subjek bandingan. Ringkasnya ia membandingkan dua perkara; A dan B. Biasanya gaya bahasa simile menggunakan kata-kata perbandingan seperti *bagai, bak, macam, laksana, persis, dan seperti* (Mohammad Yazid bin Abdul Hamid, 2010:52). *Tasybih al-Mursal al-Mufassal* dan *Tasybih al-Mursal al-Mujmal* adalah sebahagian daripada gaya bahasa simile dalam bahasa Melayu. Metafora pula merupakan satu bentuk perbandingan, yang membandingkan dua perkara tetapi tanpa menggunakan perkataan seperti *bagai, bak, macam, umpama, dan seperti*. Jika simile mengatakan A seperti B, metafora pula mengatakan A ialah B. Ia juga menyatakan perbandingan itu secara literal dan secara implisit (Mohammad Yazid bin Abdul Hamid, 2010:23). *Tasybih al-Mu'akkad al-Mufassal* adalah sebahagian daripada gaya bahasa metafora dalam bahasa Melayu.

### JENIS-JENIS AL-TASYBIH

Gaya bahasa *al-Tasybih* dibahagikan kepada tiga jenis. Setiap jenis *al-Tasybih* mempunyai ciri-ciri tertentu dan ada ketikanya gaya bahasa *al-Tasybih* ini boleh terbentuk dari dua jenis yang berlainan. Jenis gaya bahasa *al-Tasybih* ini dilihat dari sudut:

1. Sesuatu yang dapat dirasai *al-Hissiy* dan sesuatu yang tidak dapat dirasai *al-Ma'nawiy*. Unsur *al-Hissiy* ini menurut Ahmad al-Hasyimiy (1999:250) adalah semua benda yang dapat dirasai oleh lima deria rasa manusia seperti mendengar, melihat, merasa, menghidu dan sebagainya. Manakala unsur *al-Ma'nawiy* pula sesuatu yang tidak dapat dikesan oleh deria rasa manusia seperti aktiviti kognitif, impian, kecerdasan, pengetahuan, sifat dan lain-lain. Kategori ini juga terbahagi kepada empat jenis iaitu:

- i. *Al-Hissiy* dengan *al-Hissiy*
- ii. *Al-Ma'nawiy* dengan *al-Ma'nawiy*
- iii. *Al-Hissiy* dengan *al-Ma'nawiy*
- iv. *Al-Ma'nawiy* dengan *al-Hissiy*

2. *Wahj al-Syabah* yang merupakan unsur sifat, bentuk atau sesuatu yang dikongsi antara *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih*. Terbahagi kepada empat jenis iaitu:

- i. *Al-Mufrad*, iaitu keadaan *Wahj al-Syabah* yang berada dalam keadaan tunggal. Ia hanya menerangkan kepada satu bentuk *Wahj al-Syabah* sahaja antara *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih*.
- ii. *Al-Murakkab*, iaitu *Wahj al-Syabah* yang berada dalam keadaan berangkai. Ia menerangkan kepelbagaian unsur yang terdapat antara *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih*.

- iii. *Al-Mujmal*, iaitu keadaan *Wahj al-Syabah* tidak disebut dalam ayat *al-Tasybīh* dan terbahagi kepada dua jenis. Jenis pertama yang dapat difahami *Wahj al-Syabah*nya oleh pembaca dikenali sebagai *al-Zāhir*. Manakala jenis kedua pula adalah sesuatu yang sukar untuk difahami oleh pembaca dikenali sebagai *al-Khafiy*.
- iv. *Al-Mufaṣṣal*, iaitu yang disebut *Wahj al-Syabah* dalam ayat *al-Tasybīh*.

3. Partikel *al-Tasybīh*, terbahagi kepada dua iaitu:

- i. *Al-Mursal*, iaitu apabila disertakan partikel dalam ayat *al-Tasybīh*.
- ii. *Al-Mu'akkad*, iaitu apabila digugurkan partikel dalam ayat *al-Tasybīh*.

Selain daripada jenis-jenis *al-Tasybīh* yang disebut di atas, terdapat lagi tiga jenis *al-Tasybīh* yang lain iaitu *al-Tasybīh al-Tamhīlīy*, *al-Tasybīh al-Ḍimnīy* dan *al-'Isti'arāt*. Menurut Aḥmad al-Hāsyimīy (1999:250), *al-Tasybīh al-Tamhīlīy* ialah keadaan *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih* berada dalam bentuk ayat, ungkapan yang berangkai atau gambaran yang terperinci. *Al-Musyabbah bih* ini tidak berada dalam bentuk tunggal seperti ungkapan (أَنْتَ كَأَلْسُنْس) iaitu: “Kamu seperti matahari”. Menurut Badwī Ṭabānaṭ (1988:251), *al-Tasybīh al-Ḍimnīy* pula merujuk kepada keadaan ayat *al-Tasybīh* yang tidak disebut rukun *al-Tasybīh* secara jelas, sebaliknya gambaran dan rukun *al-Tasybīh* dapat dilihat dari aspek makna ayat tersebut. Sebahagian ahli *al-Balāghat al-'Arabiyyat* seperti Badwī Ṭabānaṭ (1988:251) pula memasukkan tajuk *al-'Isti'arāt* sebagai sebahagian daripada tajuk *al-Tasybīh*. Keadaannya berlaku apabila dua rukun utama *al-Tasybīh* iaitu *al-Musyabbah* dan *al-Musyabbah bih* digugurkan dalam ayat *al-Tasybīh*.

#### ANALISA DATA

Ayat *al-Tasybīh* yang menggunakan unsur tumbuh-tumbuhan dalam Al-Quran dapat dilihat pada tiga topik utama. Topik-topik tersebut ialah:

1. Perihaln keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat dan perbandingan antara orang beriman dan orang kafir. Terdapat empat ayat dari surah yang berbeza yang menceritakan tentang keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah:

- i. Firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf ayat ke-57 sehingga ayat ke-58:

﴿ وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ نَخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya: “Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu pelbagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya). (57) Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur”.

(al-A'rāf : 57-58)

ii. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat ke-5:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تَرَابٍ  
ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ  
وَنُقَرِّفِي الْأَرْحَامَ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا  
أَشْدَكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لَكُمْ يُعَلِّم  
مِّن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَىٰ الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ  
وَأَنْبَتَتْ مِّن كُلِّ زَوْجٍ بَّهِيحٍ﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami) dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancang hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga

dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai”.

(al-Hajj:5)

iii. Firman Allah SWT dalam surah al-Fāṭir ayat ke-9:

﴿وَالَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ فَتَثِيرُ سَحَابًا فُسْقِنَاهُ إِلَىٰ بَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَحْيَيْنَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا كَذَلِكَ النُّشُورُ﴾

Maksudnya: “Dan Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (yang kering kontang); lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan (hujan dari awan) itu. Sedemikian itu pula kebangkitan manusia (hidup semula sesudah mati)”.

(al-Fatir : 9)

iv. Firman Allah SWT dalam surah al-Fuṣṣilat ayat ke-39:

﴿وَمِنَ آيَاتِهِ أَنْ تَرَى الْأَرْضَ خَاشِعَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ إِنَّ الَّذِي أَحْيَاهَا لَمُحْيِي الْمَوْتَىٰ إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya, engkau melihat bumi kosong sepi, maka apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya serta suburilah tanamannya. Sesungguhnya Allah yang menghidupkannya sudah tentu berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati; sesungguhnya Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

(al-Fuṣṣilat : 39)

Kesemua ayat ini merupakan peringatan Allah SWT terhadap manusia tentang perihalan hari kebangkitan semula yang akan dihadapi oleh setiap manusia sesudah kematian. Terdapat sebahagian daripada kalangan manusia yang ingkar dan tidak percaya tentang hari kebangkitan semula ini. Golongan ini mendakwa adalah mustahil manusia akan dihidupkan semula setelah mereka mati dan seluruh anggota badannya telah hancur. Pada hakikatnya, urusan menghidupkan semula manusia yang telah mati merupakan satu proses yang mudah bagi Allah SWT.



*Al-Tasybih* yang digambarkan dalam ayat ini ialah tentang kekuasaan (الْقُدْرَةُ) Allah SWT yang dapat menghidupkan semula manusia pada hari kiamat kelak sama keadaannya dengan kekuasaan Allah SWT menghidupkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan di atas tanah yang tandus dan gersang. Menurut Rasyid Ridā (1947:8:473), keadaan tanah tersebut digambarkan dengan pelbagai perkataan seperti perkataan mati (مَيِّتٌ), kering (هَامِدَةٌ) dan kosong (خَالِيَةٌ). Proses kebangkitan manusia di hari akhirat kelak merupakan unsur *al-Ma'nawiy* yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Manakala proses pertumbuhan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan di atas tanah yang tandus dan gersang pula merupakan unsur *al-Hissiy* yang dapat dilihat oleh manusia. Dalam ayat ini, Allah SWT menggunakan unsur *al-Hissiy* untuk menerangkan unsur *al-Ma'nawiy*. Kekuasaan Allah SWT yang mengembalikan semula ruh manusia kepada jasadnya sama seperti keadaan Allah SWT memerintahkan angin yang membawa hujan yang dinamakan sebagai (رَحْمَةٌ) dalam bentuk *al-Majāz al-Mursal* untuk bergerak ke arah bumi yang tandus. Manakala keadaan manusia yang dibangkitkan oleh Allah SWT dari kubur sama seperti keadaan Allah SWT menghidupkan tumbuh-tumbuhan dari bumi yang gersang. Analisis *al-Tasybih* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 1: Analisis ayat *al-Tasybih* 1

Unsur <i>al-Tasybih</i>	Penerangan
<i>Al-Musyabbah</i>	Keadaan manusia yang dihidupkan semula oleh Allah SWT di akhirat kelak setelah mereka mengalami proses kematian yang merupakan unsur <i>al-Ma'nawiy</i> .
<i>Al-Musyabbah bih</i>	Keadaan tumbuh-tumbuhan yang dihidupkan oleh Allah SWT di atas tanah yang gersang setelah dibasahi oleh air hujan yang merupakan unsur <i>al-Hissiy</i> .
Partikel <i>al-Tasybih</i>	Hanya satu ayat sahaja yang menyebut partikel <i>al-Tasybih</i> iaitu surah al-Fāṭir ayat ke-9. Partikel <i>al-Tasybih</i> dalam ayat ini ialah partikel (الْكَافُ). Manakala partikel <i>al-Tasybih</i> dalam ayat-ayat yang lain digurukan.
<i>Wajh al-Syabah</i>	Keadaan kekuasaan (الْقُدْرَةُ) Allah SWT yang menghidupkan semula manusia setelah melalui kematian sama seperti keadaannya kekuasaan Allah SWT yang menghidupkan tumbuh-tumbuhan di atas tanah yang gersang setelah dibasahi dengan air hujan.
Jenis	1. Surah al-A'rāf ayat ke-57: <i>Al-Tasybih al-Tamthiliy</i> . 2. Surah al-Ḥajj ayat ke-6: <i>Al-Tasybih al-Ḍimniy</i> . 3. Surah al-Fāṭir ayat ke-9: <i>Al-Tasybih al-Mursal</i> . 4. Surah al-Fuṣṣilat ayat 39: <i>Al-'Isti'arāt</i> .

Manakala pada penutup ayat ke-58 dari surah al-A'rāf, Allah SWT menggambarkan tentang gambaran orang mukmin dan orang kafir. Orang mukmin yang sentiasa taat pada perintah Allah dan mengamalkan isi kandungan al-Quran digambarkan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang baik. Tanah tersebut akan mengeluarkan hasil tanaman yang subur dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang dapat memberi manfaat kepada manusia. Manakala perihalan Allah SWT menurunkan al-Quran sebagai rahmat kepada manusia digambarkan dengan perihalan Allah SWT menurunkan hujan sebagai rahmat kepada bumi.

Manusia yang mengamalkan isi kandungan al-Quran dapat dilihat kesannya dari sudut pegangan akhidah, gaya hidup, akhlak, dan sebagainya. Mereka ini akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT. Golongan ini seumpama tumbuh-tumbuhan subur yang mengeluarkan pelbagai jenis bunga-bunga dan buah-buahan. Tumbuh-tumbuhan ini juga banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia dan alam sekeliling.

Manakala orang kafir yang menolak isi kandungan al-Quran digambarkan keadaannya sebagai negeri yang tidak mempunyai tanah yang baik. Tumbesaran tumbuh-tumbuhan di atas tanah tersebut adalah terbantut dan hanya mengeluarkan hasil yang sedikit. Golongan yang menolak Al-Quran ini dapat dilihat kesannya dari sudut pegangan akhidah yang terpesong, gaya hidup yang liar, akhlak yang keji dan sebagainya. Mereka ini akan mendapat balasan dosa dari Allah SWT. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 2: Analisis ayat *al-Tasbīh* 2

Unsur <i>al-Tasybīh</i>	Penerangan
<i>Al-Musyabbah</i>	Keadaan orang mukmin dan orang kafir (tidak disebut).
<i>Al-Musyabbah bih</i>	Negeri yang baik dan memiliki tanah yang subur akan mengeluarkan hasil tanaman yang baik dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Manakala negeri yang gersang dan memiliki tanah yang tandus akan menyebabkan tumbesaran tumbuh-tumbuhan di atasnya akan terbantut dan hanya akan mengeluarkan hasil tanaman yang rosak.
<i>Partikel al-Tasybīh</i>	Digugurkan dengan andaian (كُنَّا).

Wajh al-Syabah	Manusia yang menjadikan Al-Quran sebagai pegangan hidup akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Mereka akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT dan akan mendapat nikmat syurga di akhirat kelak. Manakala manusia yang menolak Al-Quran akan menjadikan kehidupan mereka sengsara di dunia dan akhirat. Mereka akan mendapat balasan dosa dari Allah SWT dan akan diazab di akhirat kelak.
Jenis	Jenis <i>al-Tasybih al-Dimniy</i> . Allah SWT tidak menyebut keadaan manusia yang digambarkan dalam ayat ini secara jelas, tetapi gambaran ini dapat difahami melalui gambaran tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam ayat ini.

2. Perbandingan gambaran bulan di alam cakerawala dengan tandan kurma yang kering. Firman Allah SWT dalam surah Yasin ayat ke-39:

﴿وَالْقَمَرَ قَدَرْنَا مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ﴾

Maksudnya: “Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering”.

(Yasin : 39)

Ayat ini menggambarkan tentang makhluk ciptaan Allah SWT. *Al-Tasybih* dalam ayat ini adalah antara makhluk yang berada di alam cakerawala dengan makhluk yang berada di bumi. Terdapat persamaan di antara kedua-duanya. Bulan dan tandan kurma masing-masing dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Selain itu, persamaan lain yang terdapat pada bulan dan tandan kurma ini ialah kedua-duanya akan melalui proses yang sama, iaitu dari keadaan yang kecil dan lemah kepada keadaan yang sempurna dan kuat dan seterusnya kembali kepada keadaan asal.

Menurut ‘Abd al-Rahman Muhammad al-Qumasy (2009:33:3801), *al-Tasybih* dalam ayat ini merupakan *al-Tasybih al-Mursal*. Allah SWT menyamakan keadaan dan bentuk pergerakan bulan di atas galaksi dengan tandan kurma. Pergerakan bulan bermula dari bentuk anak bulan yang kecil bertukar menjadi bulan purnama dan akhirnya kembali kepada bentuk anak bulan. Manakala tandan kurma pula berubah dari keadaan yang tidak mempunyai putik dan buah kepada keadaan berbuah banyak dan lebat. Akhirnya, buah-buah ini akan gugur dan yang tinggal hanyalah tandan kurma yang kering tidak berbuah sama seperti keadaan asalnya. Kedua-dua keadaan menunjukkan perubahan dari keadaan lemah kepada keadaan

yang kuat dan akhirnya kembali kepada keadaan asal yang lemah. Selain itu, keadaan permukaan bulan yang kering tidak mengandung air dan tidak mempunyai hidupan di atasnya menyamai keadaan tandan kurma yang telah kering dan tidak lagi mengeluarkan hasil kepada manusia.

Menurut al-Marāghīy (1946:23:158), pergerakan bulan berlaku selama 28 hari dalam dua peringkat untuk jangka masa selama sebulan. Setiap hari, pergerakan bulan ini akan berada pada kedudukannya (الْمَكَارِجِ) yang tertentu. Pergerakan pada peringkat pertama ialah dari bentuk anak bulan kepada bentuk bulan purnama. Apabila anak bulan telah bertukar menjadi bentuk bulan purnama, ia kembali bertukar menjadi bentuk anak bulan pada peringkat yang kedua. Oleh sebab itu, bentuk anak bulan dapat dilihat pada awal bulan dan hujung bulan dalam kalendar hijriah, manakala bulan purnama pula dapat dilihat pada tanggal 15 haribulan dalam kalendar hijriah.

Menurut Abū al-Qāsim al-Baghdādīy (1991:228), ayat ini menunjukkan bahawa bangsa Arab sedia maklum tentang pergerakan bulan dalam tamadun mereka. Mereka berpandukan kepada pergerakan bulan dalam menentukan peredaran waktu berbanding bangsa lain yang berpandukan kepada pergerakan matahari. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 3: Analisis ayat *al-Tasbīh* 3

Unsur <i>al-Tasybīh</i>	Penerangan
<i>Al-Musyabbah</i>	Bulan yang beredar mengikut jangka masa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Bermula dalam keadaan bentuk anak bulan yang melengkung sehingga menjadi bulan purnama yang penuh dan seterusnya kembali semula kepada keadaan bentuk anak bulan.
<i>Al-Musyabbah Bih</i>	Bentuk tandan kurma yang kering. Bermula dalam keadaan tidak berbuah dan bertukar menjadi lebat berbuah. Akhirnya buah-buah ini akan masak ranum dan akan gugur atau dipetik oleh manusia. Seterusnya tandan ini kembali menjadi kering seperti keadaan asalnya dan ia merupakan unsur yang dapat dilihat.
<i>Partikel al-Tasybīh</i>	Partikel (ك) bermaksud seperti.

*Wajh al-Syabah*

Proses peredaran dan keadaan bentuk bulan yang bermula dari bentuk anak bulan, bertukar menjadi bulan purnama dan kembali kepada bentuk anak bulan. Proses dan keadaan ini menyamai keadaan yang berlaku pada tandan kurma. Tandan kurma pada peringkat awal adalah dalam keadaan kering tidak berbuah. Seterusnya membesar dan dipenuhi dengan buah. Peringkat terakhir, tandan ini akan kembali kepada bentuk asal dalam keadaan tidak mempunyai buah setelah buah-buah ini gugur atau dipetik. Kedua-dua proses ini menunjukkan perubahan dari keadaan sesuatu yang lemah, bertukar menjadi kuat dan seterusnya akan kembali kepada bentuk asal iaitu dalam keadaan lemah. Perkara ini juga berlaku dalam kehidupan manusia. Perkembangan kehidupan manusia bermula dalam keadaan lemah iaitu semasa kecil dan akan membesar menjadi semakin kuat serta bertenaga. Akhirnya manusia akan kembali kepada keadaan yang lemah apabila mereka sudah tua.

Jenis

*Al-Tasybih al-Mursal.*

3. Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah SWT di dunia dan di akhirat seperti tumbuh-tumbuhan yang rosak dan layu. Terdapat empat ayat yang menggambarkan keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah:

i. Firman Allah SWT dalam surah Al-Qamar ayat ke-18 sehingga ayat ke-20:

﴿ كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٍ ﴿١٨﴾ إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا ﴿١٩﴾ فِي يَوْمٍ نَحْسٍ مُّسْتَمِرٍّ ﴿٢٠﴾ تَنْزِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُّنقَعِرٍ ﴿٢١﴾ ﴾

Maksudnya: “(Demikian juga) kaum ‘Ād telah mendustakan Rasuhnya (lalu mereka dibinasakan); maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azabku dan kesan amaran-amaranKu! (18) Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahas yang berlanjutan. (19) Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar”.

(Al-Qamar:18-20)

Ayat ini menceritakan tentang gambaran azab yang diturunkan ke atas kaum ‘Ād kerana mengingkari risalah yang dibawa oleh Nabi Hud AS. Azab yang diturunkan oleh Allah SWT kepada mereka adalah dalam bentuk ribut kencang yang sangat dahsyat. Ribut ini menyebabkan kaum ‘Ād yang ingkar kepada perintah Allah dibinasakan dalam keadaan kepala mereka tercabut dari badan, jasad mereka bergelimpangan di atas tanah dan tubuh

badan mereka menjadi hancur. Gambaran keadaan tubuh badan mereka yang telah binasa disebabkan oleh ribut ini digambarkan dengan keadaan batang kurma yang tumbang dan tercabut keluar dari dalam tanah. Menurut al-Zamakhsyariy (1998:5:659), keadaan kepala kaum 'Ād yang tercabut dari badannya digambarkan seperti keadaan batang kurma yang tercabut dari akarnya. Pemilihan pokok kurma dalam ayat ini adalah kerana untuk menunjukkan keadaan ribut yang sangat dahsyat. Ini kerana akar pokok kurma adalah lebih kuat dan kukuh berbanding pokok-pokok lain.

ii. Firman Allah SWT dalam surah al-Hāqat̄ ayat ke-6 sehingga ayat ke-7:

﴿وَأَمَّا عَادٌ فَأُهْلِكُوا بِرِيحٍ صَرْصَرَ عَاتِيَةٍ ﴿٦﴾ سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَتَمَازِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا صَرْعَى كَأَنَّهُمْ أُعْجَازٌ نَّخْلٍ خَاوِيَةٌ ﴿٧﴾﴾

Maksudnya: “Adapun Ād, maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya. (6) Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong”.

(al-Hāqat̄:6-7)

Dalam ayat ini Allah SWT memperincikan bentuk ribut yang melanda kaum 'Ād dan jangka masa bencana yang berterusan selama tujuh malam lapan hari. Ayat dari surah al-Hāqat̄ yang menggambarkan tentang keadaan batang kurma yang lompong adalah kesinambungan kepada ayat dari surah al-Qamar yang menggambarkan tentang pengkisahan kaum 'Ād yang menerima azab dari Allah SWT. *al-Tasybih* pada ayat (أَعْجَازٌ نَّخْلٍ مُنْقَعٍ) menggambarkan tentang kaum 'Ād yang masih lagi bernyawa ketika mula dilanda ribut yang kuat. Kekuatan ribut ini mengakibatkan kepala mereka tercabut dari badan. Keadaan ini digambarkan seperti batang kurma yang tercabut dari akarnya.

Manakala penggunaan *al-Tasybih* pada ayat (أَعْجَازٌ نَّخْلٍ خَاوِيَةٌ) menggambarkan keadaan jasad kaum 'Ād selepas dilanda ribut yang kuat. Ribut ini berlarutan sehingga tempoh masa selama tujuh malam lapan hari dan mengakibatkan semua mayat kaum 'Ād musnah dan kering sedikit demi sedikit sehingga tiada sesuatu pun yang tertinggal. Ribut kuat ini juga mengakibatkan seluruh isi perut kaum 'Ād terkeluar dari badan. Keadaan ini digambarkan dengan batang kurma yang lompong. Allah SWT menghancurkan keseluruhan mereka dengan azab yang amat dahsyat (al-Khaṭīb al-Syarbīnīy: t.t:4:137,369). Analisis *al-Tasybih* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 4: Analisis ayat al-Tasbīh 4

<i>Unsur al-Tasybih</i>	<b>Penerangan</b>
<i>Al-Musyabbah</i>	Kata ganti diri (هُم) yang merujuk kepada kaum 'Ād yang merupakan unsur yang dapat dilihat.
<i>Al-Musyabbah bih</i>	Batang kurma yang tercabut keluar dari dalam tanah (أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ). Batang kurma yang telah lompong (أَعْجَازُ نَخْلٍ حَاوِيَةٍ). Kedua-duanya merupakan unsur yang dapat dilihat.
Partikel <i>al-Tasybih</i>	Partikel <i>al-Tasybih</i> (الْكَاف).
<i>Wajh al-Syabah</i>	Gambaran azab yang menimpa kaum 'Ād sehingga menyebabkan jasad mereka mati bergelimpangan di merata tempat sama seperti keadaan batang kurma yang tercabut keluar dari dalam tanah selepas dilanda ribut yang dahsyat. Jasad mereka juga digambarkan dengan keadaan seluruh isi perut terkeluar dari badan yang mengakibatkannya menjadi lompong sama seperti keadaan batang kurma yang lompong. Jasad mereka yang mati bergelimpangan akan musnah dan hancur secara perlahan-lahan sehingga tiada suatu pun yang tertinggal sama seperti keadaan pokok kurma yang mati dan akan mereput secara perlahan-lahan.
Jenis	<i>Al-Tasybih al-Mursal</i> dan <i>al-Mujmal</i> .

iii. Firman Allah SWT dalam surah al-Qamar ayat ke-31:

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَاحِدَةً فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْمُحْتَظِرِ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami hantarkan kepada mereka satu pekikan (yang dahsyat), lalu menjadilah mereka (hancur) seperti ranting-ranting dan daun-daun yang pecah hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternak*”. (54:31)

Ayat ini menceritakan tentang azab yang menimpa kaum Thamūd kerana mengingkari dakwah yang dibawa oleh Nabi Soleh a.s yang juga dicatat dalam surah Hūd ayat ke-67. Mereka adalah kaum yang degil dan melampaui batas. Ini kerana, apabila mereka diingatkan tentang azab dari Allah SWT, mereka mengancam untuk berperang dengan Allah SWT. Bentuk ancaman yang dilakukan ialah dengan mengumpulkan bala tentera yang terdiri daripada 12 ribu kabilah yang mana setiap kabilah membawa seramai 12 ribu bala tentera yang dilengkapi dengan peralatan perang seperti pedang, panah dan kuda perang. Sambil berjalan dan mengawal di setiap jalan, kaum Thamūd melaungkan cabaran kepada Allah SWT untuk berperang.

Akhirnya, Allah SWT menurunkan azab bahang matahari kepada kaum Thamūd. Matahari turun sehingga berada hampir di atas kepala mereka. Akibat daripada bahang panas matahari ini, kaum Thamūd yang sebelum ini merasakan diri mereka kuat dan gagah perkasa merasa sangat haus sehingga mengakibatkan lidah mereka terjelir keluar sehingga ke paras dada. Semua binatang yang berada bersama mereka mati akibat bahang panas matahari. Allah SWT sengaja menanggukkan ajal kaum Thamūd agar mereka dapat merasai azab Allah SWT. Pada hari ke-4 setelah matahari terbenam, terdengar pekikan suara yang sangat kuat secara tiba-tiba dari langit sehingga mengakibatkan jantung kaum Thamūd terputus. Akhirnya mereka mati dengan penuh kehinaan (al-Ṭabarīy (2001:22:144).

Perkataan (الْمُهَيِّم) dalam ayat ini bermaksud semua bahagian tumbuh-tumbuhan yang sudah kering seperti daun, ranting, dahan dan batang yang telah patah dan pecah hancur untuk dijadikan kandang binatang. Manakala perkataan (الْمُحْتَضِر) pula merujuk kepada maksud orang yang membina kandang binatang (al-Jawhārīy,1965:2:665,1059). Terdapat dua bentuk bacaan untuk perkataan (الْمُحْتَضِر) dalam ayat ini. Bacaan pertama dengan membariskan *al-Fathat* (ـَ) pada huruf *al-Zā'* (الزَّاء) dan ia membawa maksud kerja membina kandang. Manakala bacaan kedua pula dengan membariskan *al-Kasrat* (ـِ) pada huruf *al-Zā'* (الزَّاء) dan ia membawa maksud orang yang membina kandang binatang (Ibn Khāluwīyah: t.t:149 dan Ibn al-Jinnīy: 1986: 2: 299).

Allah SWT menggambarkan keadaan jasad kaum Thamūd yang telah dibinasakan setelah mendengar suara pekikan yang sangat kuat dengan tumbuh-tumbuhan yang telah mati, kering dan hancur berkecai. Tumbuh-tumbuhan ini digunakan dalam membuat gambaran tentang keadaan jasad kaum Thamūd kerana tumbuh-tumbuhan yang telah kering dan pecah hancur lebih mudah untuk musnah dengan cara yang cepat berbanding tumbuh-tumbuhan yang masih basah. Ini merupakan bentuk kehinaan Allah SWT kepada kaum Thamud di atas keangkuhan mereka terhadap Allah SWT. Analisis al-Tasybih dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 5: Analisis ayat *al-Tasbīh* 5

<i>Unsur al-Tasybīh</i>	<b>Penerangan</b>
<i>Al-Musyabbah</i>	Kata ganti diri (هُم) yang merujuk kepada kaum Thamūd yang merupakan unsur yang dapat dilihat
<i>Al-Musyabbah bih</i>	Ranting-ranting dan daun-daun yang pecah hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternak (الْمُهَيِّم الْمُحْتَضِر) dan merupakan unsur yang dapat dilih
Partikel <i>al-Tasybīh</i>	Partikel <i>al-Tasybīh</i> (الْكَافُ)



Wajah al-Syabah	Keadaan jasad kaum Thamūd yang hancur dimusnahkan oleh Allah SWT sama keadaannya dengan ranting dan daun yang telah kering, hancur dan pecah yang digunakan sebagai kandang binatang
Jenis	Al-Tasybīh al-Mursal dan al-Mujmal

iv. Firman Allah SWT dalam surah al-Fīl ayat ke-5:

﴿فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ﴾

Maksudnya: “Lalu Dia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan (oleh ulat)”.

(al-Fīl : 5)

Ayat ini menceritakan tentang gambaran keadaan tentera Abrahah selepas menerima azab dari Allah SWT yang hancur berkecai seperti keadaan daun-daun kayu dimakan oleh ulat. Menurut al-Farrā' oleh (1983:3:292), terdapat lima pandangan tafsiran perkataan (الْعَصْفُ) dan empat pandangan tafsiran perkataan (الْمَأْكُولُ) dalam ayat ini. Tafsiran perkataan (الْعَصْفُ) ialah:

- i. Bermaksud daun kayu yang gugur di atas tanah setelah kerja-kerja menuai tanah dilakukan. Daun-daun ini kemudiannya berterbangan ditiup angin dan akhirnya dimakan oleh binatang.
- ii. Bermaksud jerami, berdasarkan surah al-Raḥmān ayat ke-12:

﴿وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ﴾

Maksudnya: “Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi tumbuh-tumbuhan yang harum”.

(al-Raḥmān:12)

- iii. Daun dan jerami gandum.
- iv. Kulit dan karung buah-buahan yang dimakan bahagian isi dalamnya.
- v. Bahagian yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan sebelum keluarnya tangkai.

Manakala tafsiran perkataan (الْمَأْكُولُ) pula ialah:

- i. Dimakan oleh binatang-binatang ternak dan kemudiannya bertukar menjadi najis. Najis ini kemudiannya menjadi kering dan bertaburan di tiup angin.

- ii. Daun kayu yang dimakan oleh ulat.
- iii. Buah-buahan kebun yang dimakan isinya dan ditinggalkan kulitnya.
- iv. Semua jenis dan bahagian tumbuh-tumbuhan yang dimakan oleh binatang ternak.

Dalam ayat ini, Allah SWT menggambarkan keadaan tentera Abrahah yang sombong dengan gambaran daun kayu yang telah hancur musnah dimakan oleh binatang. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini bertujuan untuk menggambarkan tentang keadaan manusia yang sangat lemah dan tidak mampu untuk melakukan sesuatu di samping untuk menggambarkan tentang kehinaan yang ditimpakan ke atas mereka.

Selain itu, penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini juga bertujuan untuk menjaga status kesucian isi kandungan al-Quran daripada menggunakan perkataan-perkataan yang bersifat negatif untuk menggambarkan sesuatu yang sangat hina. Dalam ayat ini Allah SWT menggambarkan keadaan tentera Abrahah yang hina seperti daun-daun kayu yang hancur dan menjadi makanan binatang. Akhirnya daun-daun kayu ini akan dikeluarkan sebagai najis binatang yang merupakan sesuatu yang hina, jijik dan busuk. Analisis *al-Tasybīh* seperti berikut:

Jadual 6: Analisis ayat *al-Tasbīh* 6

Unsur <i>al-Tasybīh</i>	Penerangan
<i>Al-Musyabbah</i>	Kata ganti diri (أنا) yang merujuk kepada tentera Abrahah yang merupakan unsur yang dapat dilihat.
<i>Al-Musyabbah bih</i>	Daun kayu yang hancur dimakan oleh ulat atau binatang dan merupakan unsur yang dapat dilihat.
Partikel	Partikel <i>al-Tasybīh</i> (أَنَّكَفُ).
<i>Wajh al-Syabah</i>	Keadaan jasad tentera Abrahah yang hancur sama seperti keadaan daun-daun kayu yang dimakan oleh binatang atau pun ulat. Daun-daun kayu yang dimakan oleh binatang akan menjadi hancur, manakala daun-daun kayu yang dimakan oleh ulat pula akan menjadi berlubang-lubang. Akhirnya daun-daun kayu ini akan keluar sebagai najis yang busuk. Keadaan ini sama dengan keadaan jasad tentera Abrahah. Tubuh mereka menjadi hancur dan berlubang kerana terkena batu yang dibawa oleh burung ababil. Akhirnya mereka mati dan mayat mereka menjadi busuk.
Jenis	<i>Al-Tasybīh al-Mursal</i> dan <i>al-Mujmal</i> .

## DAPATAN KAJIAN

1. Ayat *al-Tasybih* yang menggunakan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Quran terdapat pada tiga topik utama. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Perihal keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat dan perbandingan orang beriman dan orang kafir. Terdapat empat ayat dari surah yang berbeza yang menceritakan tentang keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-A'raf ayat 57 sehingga ayat 58, surah al-Hajj ayat ke-6, surah al-Fatir ayat ke-9 dan surah al-Fussilat ayat 39
- ii. Perbandingan gambaran bulan di alam cakerawala dengan tandan kurma yang kering seperti yang terdapat dalam firman Allah SWT dalam surah Yasin ayat ke-39.
- iii. Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah SWT di dunia dan di akhirat seperti tumbuh-tumbuhan yang rosak dan layu. Terdapat empat ayat yang menggambarkan keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Qamar ayat ke-18 sehingga ayat ke-20, surah al-Haqat ayat ke-6 sehingga ayat ke-7, surah al-Qamar ayat ke-31 dan surah al-Fil ayat ke-5.

2. Unsur tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam gaya bahasa *al-Tasybih* dalam al-Quran ialah:

- i. Pelbagai jenis buah-buahan (surah al-A'rāf ayat 57).
- ii. Tanaman yang tumbuh dengan subur (surah al-A'rāf ayat 58).
- iii. Menumbuhkan pelbagai jenis tanaman yang indah permai (surah al-Ḥajj ayat 6).
- iv. Suburlah tanamnya (surah al-Fuṣṣilat ayat 39).
- v. Tandan kurma yang kering (surah Yasin ayat 39).
- vi. Batang kurma yang terbongkar (surah al-Qamar ayat 18).
- vii. Batang kurma yang lompong (surah al-Ḥāqat ayat 6).
- viii. Daun yang pecah dan hancur (surah al-Qamar ayat 31).
- ix. Daun kayu yang dimakan ulat (surah al-Fīl ayat 5).

3. Ayat-ayat *al-Tasybih* yang menggunakan unsur tumbuh-tumbuhan dalam Al-Quran mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa al-Tasybih tidak sekadar untuk menunjukkan keindahan dari konteks bahasa, tapi tujuan yang lebih utama adalah untuk menyampaikan isi kandungan Al-Quran kepada manusia. Antara tujuan utama penggunaan *al-Tasybih* dalam al-Quran yang melibatkan unsur tumbuh-tumbuhan seperti berikut:

- i. Untuk menerangkan tentang sifat-sifat *al-Musyabbah* yang berada dalam keadaan samar-samar atau pun tidak diketahui maklumat terperinci tentangnya. Manakala *al-Musyabbah bih* pula merupakan unsur yang dekat dengan kehidupan seharian manusia. Selain itu manusia mempunyai pengetahuan tentangnya, contohnya perihalan tentang gambaran azab yang menimpa kaum 'Ad dan Thamud dalam Al-Quran. Tiada satu pun gambaran bertulis yang dapat menceritakan tentang perihalan azab ini kerana ia berlaku pada tamadun silam manusia. Penggunaan gambaran pokok kurma yang tercabut, hancur dan musnah akibat ditimpa angin kencang dapat memberikan gambaran yang hampir dengan azab yang menimpa kaum 'Ad dan Thamud. Ini kerana keadaan pokok kurma yang ditimpa angin kencang juga berlaku pada mana-mana tamadun manusia. *Al-Musyabbah bih* yang digunakan merupakan unsur tumbuh-tumbuhan yang berada hampir dengan kehidupan seharian manusia dan ia dapat memberi kefahaman yang jelas kepada manusia.
- ii. Untuk mengukuhkan perihalan gambaran *al-Musyabbah* yang ditunjukkan kepada pembaca Al-Quran dengan cara menampilkan keadaan atau sifat yang lebih fleksibel dalam memberi kefahaman dan keyakinan kepada manusia. Ciri-ciri ini dapat dilihat dengan banyak dalam ayat *al-Tasybih* yang menggunakan unsur *al-Musyabbah al-Ma'nawīy* dan unsur *al-Musyabbah bih al-Hissīy*. Ia juga bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas kepada manusia tentang unsur-unsur yang tidak dapat dijangkau oleh panca indera dan logik akal manusia kerana ia bersifat *al-Ma'nawīy*. Contohnya gambaran tentang tentera bergajah yang musnah akibat terkena lontaran batu dari api neraka. Allah SWT menggambarkan tentang perihalan kemusnahan tentera bergajah tersebut dengan keadaan daun kayu yang musnah dimakan ulat.
- iii. Untuk menerangkan tentang kewujudan *al-Musyabbah* walau pun ia merupakan suatu perkara yang janggal untuk difahami dan digambarkan oleh akal pemikiran manusia. *Al-Musyabbah bih* menjadi bukti tentang wujudnya *al-Musyabbah*. Contohnya gambaran tentang perihalan manusia yang akan dibangkitkan semula dari kubur di akhirat kelak. Allah SWT menggambarkan perihalan tersebut dengan perihalan biji benih yang bercampur aduk dengan air dan tanah lalu mengeluarkan tunas. Akal logik manusia tidak dapat menerima tentang keadaan manusia yang telah mati dan akan dibangkitkan semula oleh Allah SWT di akhirat kelak. Dalam waktu yang sama, logik manusia juga tidak dapat menafikan tentang kewujudan perihalan proses biji benih yang bercampur aduk dengan air dan tanah lalu mengeluarkan tunas pokok. Oleh itu, *al-Musyabbah bih* dalam konteks ini berperanan untuk menerangkan tentang perihalan kewujudan *al-Musyabbah* dengan menggunakan akal pemikiran manusia.

- iv. Sebagai satu elemen untuk menunjukkan tentang keindahan dan kecantikan unsur *al-Musyabbah* dalam kehidupan manusia dan seterusnya untuk menarik minat manusia untuk mengaplikasikan perihalan tersebut dalam kehidupan mereka. Contoh gambaran *al-Musyabbah* tentang keadaan seorang mukmin yang sentiasa taat pada perintah Allah SWT yang digambarkan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang baik. Tanah tersebut akan mengeluarkan hasil tanaman yang subur dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan dan dapat memberi manfaat kepada manusia. Manakala orang kafir yang menolak Al-Quran pula digambarkan keadaannya sebagai negeri yang tidak mempunyai tanah yang baik. Tumbuhan tumbuh-tumbuhan di atas tanah tersebut terbantut dan hanya mengeluarkan hasil yang sedikit.
- v. Membuktikan bahawa Al-Quran adalah wahyu dari Allah SWT dan bukannya ciptaan Nabi Muhammad SAW. Setiap unsur-unsur yang terdapat dalam *al-Tasybih* disusun dengan sempurna tanpa ada sebarang kecacatan. Selain itu, maklumat-maklumat yang terdapat dalam *al-Tasybih* ada di antaranya merupakan perkara-perkara yang tidak dapat dijangkau oleh akal manusia. Walau pun begitu perbandingan yang digunakan adalah tepat dan secara tidak langsung akal manusia dapat menerima setiap perbandingan yang telah digunakan. Sekiranya Al-Qur'an itu adalah ciptaan manusia, pasti akan terdapat ketidak selarasan dari segi maklumat saintifik yang digunakan.
- vi. Penggunaan gaya bahasa *al-Tasybih* tumbuh-tumbuhan dalam Al-Quran bertujuan untuk menjaga status kesucian isi kandungan Al-Quran daripada menggunakan perkataan yang bersifat negatif untuk menggambarkan sesuatu yang sangat hina. Contohnya dalam surah al-Fil, tahap kehinaan yang tinggi terhadap tentera Abrahah adalah seperti najis binatang yang terhasil daripada daun-daun kayu. Allah SWT tidak menggunakan perkataan najis binatang dalam Al-Quran, sebaliknya digantikan dengan gambaran daun-daun kayu yang hancur dimakan oleh binatang.

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abū al-Qāsim al-Baghdādīy. (1992). (e.d) Maḥmūd Ḥassan Abū Nājīy al-Syaibānīy. *Al-Jumān fī Tasybīhāt al-Qur'an*. Saudi: Markāz al-Ṣaf al-Elektronīy.
- Aḥmad al-Hāsyimīy. (1999). *Jawāhir al-Balāghat*. Beirut: Maktabat al-'Aṣriyyat.
- Al-Farra', Yahya bin Ziad. (1983). (e.d) Ahmad Yusuf Najatiy. *Ma'anīy al-Qur'an*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- Al-Marāghīy, Aḥmad Mustāfā. (1946). *Tafsīr al-Marāghīy*. Mesir: Maktabat Mustāfā al-Bannīy.
- Al-Marāghīy, Aḥmad Mustāfā. (1993). *'Ulūm al-Balāghat*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyat.
- Al-Ṭabariy, Abū Ja'far Muḥammad al-Jarīr. (2001). (e.d) 'AbdulLah 'Abd al-Muḥsin. *Jami' al-Bayān 'An Ta'wīl Āī al-Qur'an*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hajir.
- Al-Zamakhshariy, Maḥmūd bin 'Amr bin Muḥammad. (1995), (e.d) Muḥammad 'Abd al-Salām Syahīn, *Tafsīr al-Kasysyāf 'An Haqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyat.
- 'Abd al-Raḥman Muḥammad al-Qumāsy. (2009). *al-Hāwīy fī al-Tafsīr*. Maktabat al-Syāmilat: Emirates Arab Bersatu.
- Badr al-Dīn al-Zarkasīy. (1984). (e.d) Abū al-Faḍl al-Dimyāṭīy. *Al-Burhān fī 'Ulūm Al-Quran*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hadith.
- Badwī Ṭabānaṭ. (1988). *Mu'jam al-Balāghat al-'Arabīyyat*. Jeddah: Dār al-Manāraṭ.
- Ibn al-Jinnīy, Abū al-Faṭḥ Uthmān. (1994). (e.d) al-Najdīy Nāṣif. *al-Muḥtasib*. Kaherah: Wizāraṭ al-Awqāf.
- Ibn Qudamaṭ, Abū al-Faraj Ja'far. (1980). *Kitāb al-Naqd al-Nathar*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyat.
- Ibn Khāluwīyah. (t.t). *Mukhtaṣar fī Syawāz al-Qur'an min Kitāb Al-Badī'*. Kaherah: Maktabat al-Mutanabbīy.
- Ibn Rasyīq al-Qairawānīy. (1981). (e.d) Muḥammad Maḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd. *Al-'Umdat fī Maḥāsīn al-Sya'r wa Ādabuhu*. Dār al-Jīl: Syiria.
- Keraf, Gorys. (2007). *Diksi Dan Gaya Bahasa*. Indonesia: Pustaka Utama.
- Mohammad Yazid bin Abdul Hamid. (2010). *Perbandingan Bahasa Kiasan Dalam Cerpen Arab Dan Melayu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā. (1947). *Tafsīr al-Manār*. Kaherah: Dār al-Manār.
- Zamri Rajab, Kaseh Abu Bakar. (2011). *Penggunaan Shahid al-Qur'an Dalam Kitab Sharh Ibn 'Aqīl Dan Sharh Qatr Al-Nadā wa Bal Al-Sadā Bab al-Marfu'at: Satu Kajian Bandingan*. GEMA Online™ Journal of Language Studies 11(2), 83-98.